

Headline	Daftar penjual mempelam harumanis secara talian elak penipuan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	09 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	5	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	245 cm ²
Journalist	MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM	AdValue	RM 6,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,074



Daftar penjual mempelam harumanis secara talian elak penipuan

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

PADANG BESAR - Kerajaan negeri Perlis akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memastikan semua pihak yang terlibat dalam penjualan mempelam harumanis secara atas talian di negeri itu didaftarkan.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis, Ahmad Bakri Ali berkata, tindakan itu perlu bagi mengelakkan risiko berlakunya penipuan dan pembekalan buah yang kurang bermutu kepada pembeli.

Katanya, beliau menerima beberapa rungutan daripada pembeli mempelam harumanis secara online pada tahun lalu yang mendakwa telah menerima buah yang tidak bermutu

walaupun telah membayar dengan harga yang tinggi.

"Sekiranya penjual online mempelam harumanis ini didaftarkan termasuk terdapat rekod jual beli, maka pembeli boleh mengadu kepada pihak berwajib dan ada tindakan yang boleh diambil bagi membantu mereka.

"Ini termasuklah wang mereka boleh dikembalikan sekiranya berlaku kerosakan atau buah harumanis yang diterima tidak matang," katanya kepada pemberita semasa Majlis Perasmian Menandatangani Kontrak Jual Beli Mangga Perlis Sunshine, Rock Melon, Pisang Berangan dan buah-buahan bermusim Peringkat Negeri Perlis di Kampung Baru Panggas, Chuping di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Bagaimanapun, Ahmad Bakri tidak memaklumkan peratusan dan anggaran kerugian yang dialami oleh pembeli secara online melibatkan mempelam harumanis.

Dalam pada itu katanya, pendaftaran dalam kalangan penjual online mempelam ikon Perlis itu juga dapat memastikan harumanis yang dibekalkan kepada pembeli bukan yang melibatkan buah-buahan yang dicuri atau buah yang tidak matang.

Untuk rekod, musim pengeluaran buah mempelam harumanis di Perlis kini telah bermula dan dijangkakan berterusan sehingga awal Ogos ini.

Harga jualan mempelam harumanis bermula antara RM30 hingga RM45 sekilogram.



AHMAD BAKRI (duduk kanan) dan Ahmad (duduk kiri) melihat Mangga Perlis Sunshine ketika melawat ladang tersebut di Kampung Baru Panggas, Chuping semalam.